

**SOALAN NO: 452**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**  
**SOALAN :**

**YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor yang dibatalkan pendaftaran dan tidak dibenarkan beramal di Malaysia. Nyatakan sebab-sebabnya sama.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sejak tahun 1986 sehingga Mac 2014 terdapatnya 9 orang pengamal perubatan yang telah dibatalkan pendaftaran di Buku Daftar untuk pengamal perubatan. Untuk makluman, pengamal-pengamal perubatan di Malaysia adalah dikehendaki untuk berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 dengan Majlis Perubatan Malaysia dan dikehendaki untuk mematuhi kod etika ‘*Code of Professional Conduct*’ yang akan memastikan agar pengamal-pengamal perubatan tersebut ini akan menjalankan tugas mereka dengan secara profesional dan beretika .

Pemantuan dilakukan terhadap pengamal-pengamal perubatan agar mereka sentiasa mematuhi kod etika dan Akta Perubatan 1971 Majlis Perubatan Malaysia. Pemantauan ini adalah dilakukan bersama agensi-agensi lain seperti Bahagian Amalan Perubatan, Jabatan-jabatan Kesihatan Negeri, Lembaga Iklan Ubat dan Bahagian Penguatkuasaan Farmasi dan juga dengan Suruhanjaya Pencegah Rasuah dan Polis DiRaja Malaysia.

Majlis Perubatan Malaysia juga menerima aduan-aduan daripada kalangan orang awam di mana aduan-aduan tersebut akan dikemukakan kepada 'Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan' yang akan menjalankan pendengaran untuk memastikan jika pengamal tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perubatan 1971 dan berdasarkan kepada kod etika '*Code of Professional Conduct*'.

Melalui pendengaraan tersebut yang akan di kemukakan kepada ahli-ahli Majlis Perubatan Majlis jika pengamal di dapati bersalah tindakan-tindakan yang boleh di ambil adalah seperti berikut :

1. Celaan( Reprimand )
2. Pengantungan lessen mengamal( Suspension )
3. Dibatalkan daripada BukuDaftar untuk pengamal perubatan ( Deregistered )

Tetapi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pengamal-pengamal perubatan yang telah di dapati sangat serius dan yang telah di batalkan pendaftaran (deregistered) adalah seperti berikut:

1. Menipu pesakit daripada segi rawatan yang telah menjaskankan keselamatan pesakit.
2. Menjual pil psikotropik kepada pelajar dan orang ramai.
3. Memalsukan dan menjual sijil kelahiran bayi

4. Menipu Pendaftar untuk mendaftarkan namanya di bawah Seksyen 29( c ) Akta Perubatan 1971.
5. Menjual ubat tidur kepada orang ramai.
6. Menjalinkan hubungan yang tidak wajar dengan pesakit
7. Masalah kesihatan yang akan menjelaskan perkhidmatan pengamal perubatan terhadap pesakit.